

AL-HIKMAH

Jilid	9	ISSN 1985-6822	2017
No.	1		1438

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24
Abdul Munir Ismail & Muhamad AR
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32
Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48
Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59
Abdul Wahab Md. Ali
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79
Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109
Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127
Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140
Selvarani P. Kovil Pillai
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158
Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172
Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179
Badlihasham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad

Al-Hikmah 9(1) 2017: 33-48

Kesan Filem Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur

The Impressions of Horror Films Against Religion: A Literature Review

SITI AISYAH HADI MUNIR @ A. HADI
MUHAMMAD FAISAL ASHA'ARI

ABSTRAK

Kebelakangan ini penayangan filem bergenre seram samada hasil terbitan dalam mahupun luar negara semakin meluas dan dikhuatiri berupaya menjejaskan akidah masyarakat. Data yang telah dikeluarkan oleh FINAS menunjukkan sepanjang tahun 2003 sehingga kini sebanyak lebih kurang 126 buah filem seram telah ditayangkan di seluruh negara. Lambakan filem bergenre seperti ini menunjukkan ianya semakin diterima oleh masyarakat setempat. Namun, lambakan filem ini dikhuatiri boleh menjejaskan akidah kerana sesebuah filem mungkin sahaja menayangkan visual yang tidak benar mahupun membesar-besarkan perkara yang kecil dan memperkecilkan perkara yang besar. Pandangan yang salah ini bukan sahaja menaikkan emosi tetapi akan memberikan persepsi yang salah terhadap agama. Artikel ini akan membincangkan dapatan daripada sorotan kajian tentang hubungan antara penontonan filem seram dengan penjejasan akidah. Sorotan mendapati bahawa terdapat lima elemen yang boleh menyebabkan seseorang itu dipengaruhi oleh media iaitu peringkat umur, tahap pendidikan/level IQ yang rendah, kekerapan masa menonton, daya tarikan oleh media dan tahap pegangan agama yang rendah. Elemen-elemen ini perlu diuji untuk melihat keabsahannya terhadap kesan filem bergenre seram.

Kata kunci: *Filem seram, menjejaskan akidah*

ABSTRACT

Recently horror film exhibition proceeds either inside or outside the country feared capable of expanding and undermine the faith of community. Data issued by FINAS shows throughout 2003 until today approximately 126 horror films have been screened across the country. Dumping genre film like this shows it's more accepted by the local community. However, this movie dumping feared could undermine the faith as a film may only serve to visually misleading or exaggerating minor things and belittle things. This mistaken view not only raise emotions but will give a wrong

perception of religion. This article will discuss the findings of the literature review on the relationship between watching a horror movie with impairment of faith. Focus found that there are five elements that can cause a person to be influenced by the media age, level of education / low IQ level, the frequency of viewing time, traction by media and the low level of religious belief. These elements need to be tested for validity against the effects of the horror film genre.

Keywords: *horror film, undermine the faith*

PENDAHULUAN

Perbuatan menonton televisyen (termasuk filem dan drama) secara kerap dengan kadar yang lama dan berulang-ulang mampu merubah peribadi seseorang individu (Gerbner and Gross 1979:374-390). Perubahan yang berlaku ke atas diri penonton akan mendorong mereka samada ke arah positif mahupun negatif bergantung kepada jalan cerita yang dipilih (Holmes and Johnson 2009:56; Rosmawati 2013:135). Ini bermakna, pada asasnya filem boleh mempengaruhi masyarakat kerana ianya bersifat audio visual yang mampu mempengaruhi kognitif penonton secara tidak langsung, lebih-lebih lagi pada hari ini penayangan filem mahupun cerita pendek ditayangkan dimana-mana sahaja termasuk papan yang berada di antara lampu isyarat. Di samping itu, kandungan ataupun jalan cerita filem yang bertepatan dengan kehendak naluri penonton turut memainkan peranan dalam mempengaruhi mereka, sebagai contoh filem yang bergenre ganas dan aksi lebih memenuhi kehendak naluri bagi seorang remaja yang bersifat bertenaga, lasak dan sebagainya. Oleh itu, kewujudan genre filem yang pelbagai pada hari ini telah menghasilkan dapatan yang sama iaitu, setiap genre filem memainkan peranan yang berbeza dalam mencorak personaliti penonton dan masyarakat.

Di Malaysia, sekitar tahun 2003 sehingga ke hari ini timbul polemik rentetan lambakan pengeluaran filem-filem yang bergenre ganas dan seram yang ditayangkan secara meluas menerusi media. Dua individu tokoh negara iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad dan Mufti negeri Perlis Dr Mohd Asri Zainal Abidin ada menyatakan pendirian mereka secara terbuka bahawa lambakan filem yang bergenre seperti ini mampu melahirkan pemikiran yang mundur dan merosakkan akidah masyarakat kerana ianya memiliki elemen-elemen khurafat yang keterlaluan (Anon 2007:15; Anon 2008:5). Kedua-dua pendirian ini menunjukkan bahawa, akan wujud implikasi yang negatif terhadap personaliti masyarakat hasil daripada penontonan filem yang ditayangkan. Pelbagai andaian juga telah

dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu berkenaan dengan kesan filem bergenre ini seterusnya telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Mereka mengatakan filem mistik ataupun seram mampu memberi kesan yang mendalam ke atas akidah masyarakat seperti menimbulkan perasaan takut yang melampau terhadap perkara mistik, yang dikhuatiri boleh meruntuhkan kepercayaan terhadap kekuasaan Allah s.w.t. (Ruzain Syukur 2012: 4-6) sekaligus mendorong kepada perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan Islam seperti amalan perbomohan. Manakala, filem-filem yang berunsurkan kepada hiburan yang melalaikan dan tidak menjaga batas-batas pergaulan syariat pula akan mencorakkan gejala hedonisme dan liberalisme dalam diri penonton. Sepertimana, pergaulan bebas antara bukan mahram, tidak berpakaian menepati syarak dan lain-lain yang ditonjolkan seakan-akan mengajar masyarakat bahawa perbuatan itu merupakan satu kebiasaan dan menjadi *trend* kepada masyarakat setempat.

Dengan timbulnya dua ideologi yang sedemikian, filem dinilai sebagai salah satu medium yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan keagamaan dalam kalangan masyarakat di samping faktor rakan sebaya, keluarga dan persekitaran. Namun, sejauhmanakah kebenaran sesebuah filem itu boleh mendatangkan kesan terhadap penonton? Ini kerana berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh sesetengah sarjana mengatakan ianya bergantung kepada tahap penerimaan individu itu sendiri samada menerima maklumat yang ditonton atau hanya biarkan sahaja (Wilbur Schramm et. al 1961:98).Oleh yang demikian, untuk mengetahui samada terdapat kebenaran bahawa filem turut memainkan peranan utama dalam aspek penjejasan akidah masyarakat maka, lima elemen yang telah dikenalpasti sebagai faktor utama dalam mempengaruhi individu akan dikaji kerana dijangka ianya akan memberikan kesan daripada sudut akidah penonton.

KESAN FILEM TERHADAP PERSONALITI MASYARAKAT

Kekurangan pendedahan mengenai kesan media kepada masyarakat menyebabkan tidak ramai dalam kalangan mereka yang pernah memikirkan bahawa media mampu mencorakkan personaliti seseorang individu. Media terutamanya televisyen yang banyak memaparkan rancangan seperti filem boleh menyebabkan perubahan terhadap diri penonton samada daripada sudut tingkah laku, emosi, dan pemikiran. Ianya kerana dikatakan berpunca daripada serangan secara audio visual yang halus dan berupaya untuk mempengaruhi pemikiran kognitif penonton dalam jangka masa panjang.

Terdapat beberapa implikasi daripada penontonan filem antaranya ialah meningkatkan perilaku ganas dan agresif dalam kalangan masyarakat. Pakar-pakar dalam bidang Psikologi mendedahkan, kelangsangan (keagresifan) dalam media adalah antara sebab utama terhadap peningkatan tingkah laku dan budaya ganas dalam kalangan masyarakat kini (Rosly Kayar 2007:33; Mallick S.K and McCandales B.R 1996:591-596 ; Bart Peterson 2011:14-15). Tambahan pula, unsur ganas yang dipaparkan menerusi televisyen ditayangkan secara meluas sekaligus mendatangkan kesan yang bahaya (*harmful effects*) kepada pembentukan personaliti seseorang individu. Ini kerana, secara praktikalnya ianya dilihat mampu memanipulasikan pemikiran manusia dengan menunjukkan seolah-olah keganasan itu suatu perkara yang boleh di '*bersih*'kan dan mampu menjadi suatu daya tarikan yang menarik kepada orang ramai (Dale Kunkel 2011:60). Hal ini boleh dilihat menerusi filem-filem yang memaparkan watak adiwira (*superhero*) seperti *Ultraman*, *Spiderman*, *Cicakman* dan lain-lain yang disanjung apabila menegakkan keadilan dengan melakukan perbuatan yang ganas seperti bergaduh, memukul, menumbuk dan sebagainya sebelum menyerahkan pesalah kepada pihak berkuasa.

Kemampuan filem dalam mencorak personaliti penonton telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan ibu bapa pada hari ini kerana ianya dikhuatiri berupaya mempengaruhi perkembangan anak-anak mereka. Perkara ini telah dirungkai oleh kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana barat sebagai contoh *The Payne Fund Studies* yang merupakan sebuah badan organisasi terawal yang ditubuhkan sekitar tahun 1930 dalam melakukan kajian ke atas pengaruh media terhadap tingkah laku kanak-kanak (George Rodman 2012:160). Organisasi ini menggunakan dua kaedah dalam melaksanakan kajian iaitu dengan menggunakan kajian makmal (*laboratory experiment*) dan juga kajian tinjauan yang melibatkan soal selidik (*survey methods*). Bagi kajian makmal, kajian-kajian yang dikaji lebih cenderung ke arah tema yang asing (seperti babak seksual dan sebagainya). Pada peringkat awal kajian, *Payne Fund* lebih tertumpu kepada kajian penontonan filem yang berunsurkan genre romantik terhadap kanak-kanak, namun kajian ke atas mereka tidak menunjukkan sebarang tindak balas kerana jalan ceritanya yang terlalu kedewasaan. Kemudian, kajian yang sama dilakukan ke atas golongan remaja dan hasil dapatan yang diperolehi berada di luar jangkaan bila mana data menunjukkan tindak balas yang memberangsangkan. Oleh itu, selain daripada kanak-kanak peratusan bagi golongan remaja untuk dipengaruhi unsur keganasan yang dipaparkan menerusi media juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi. Tambahan

pula berdasarkan kepada kenyataan yang dinyatakan oleh Bart Peterson (2011:12) telah menunjukkan bahawa:

“The average American youth spends more than 45 hours per week exposed to all types of media- television, film, video games, the internet and music. By the time they turn 18, young people will witness 40,000 killings and 200,000 violent incident”

Kekerapan dalam menyaksikan sesuatu yang ganas dan agresif membuatkan individu terbiasa dengan situasi tersebut. Oleh itu, merujuk kepada kenyataan tersebut dengan kadar anggaran sebanyak 40,000 siri pembunuhan dan 200,000 kejadian keganasan yang ditonton menyebabkan tidak mustahil bagi golongan ini untuk mudah terpengaruh dengan perilaku yang ganas.

Selain daripada itu, penontonan filem secara kerap juga boleh mendorong kepada perlakuan yang tidak bermoral. Berdasarkan kepada beberapa kes-kes yang telah berlaku di negara ini mendapati, media boleh mendorong kepada perbuatan yang tidak bermoral seperti yang terpapar di dalam akhbar Berita Harian (2006:P1) yang bertajuk ‘*Kerana Vcd Lucah, Adik Dirogol Abang Ke Penjara*’ dan banyak lagi. Manakala, dalam satu kajian yang dilakukan oleh beberapa orang pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa yang mengkaji mengenai *Pola Laku Seks Dalam Kalangan Pelajar Dari Tahun 1996 Hingga 2004* (Rosly Kayar 2007:3-6) menunjukkan kesan daripada penontonan genre romantik (*soft pornography*) dalam media menyebabkan seramai 15 hingga 88.2 peratus pelajar yang terdiri daripada sekolah rendah dan menengah mengaku melakukan perbuatan yang berunsurkan lucah seperti menulis, menunjuk isyarat dan juga menyebut perkataan lucah. Perkara ini seharusnya dibendung lebih awal dengan mengawal jumlah penayangan filem-filem yang menayangkan unsur-unsur *soft pornography* seperti nyanyian, tarian yang mengasyikkan dan juga filem-filem yang menayangkan unsur ini seperti yang terdapat di dalam filem hindustan yang saban minggu ditayangkan di kaca televisyen di mana para pelakon akan mengenakan pakaian seksi dan tarian yang mengghairahkan.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa lambakan serta pengulangan filem-filem berunsurkan mistik ataupun seram yang dipaparkan oleh media mampu menanamkan perbuatan khurafat dan syirik dalam kalangan penonton (Siti Hanisah Sabri 2014:53). Kewujudan kepelbagaian unsur-unsur khurafat dan syirik yang diterapkan dalam filem bergenre tersebut sekaligus berupaya memandu penonton untuk berkelakuan

ke arah tersebut. Sebagai contoh, penggunaan khidmat bomoh ketika menghadapi kesusahan, perbuatan meminta izin ketika hendak masuk ke dalam hutan, kebergantungan kepada tangkal ataupun azimat, pengamalan ayat-ayat mantera yang tidak dapat difahami bagi melindungi diri dan sebagainya. Penontonan filem genre seumpama ini juga merupakan satu perkara yang bahaya terutamanya bagi peringkat kanak-kanak yang baru mula untuk mempelajari tentang kehidupan. Kekekapan penayangan elemen ini di dalam filem seram juga mampu menanamkan kepercayaan dalam diri penonton bahawa amalan ini masih relevan dan terpakai pada masa kini. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan para bomoh yang masih lagi mampu bertahan sehingga ke hari ini. Malah, khidmat bomoh ini bukan sahaja digunakan oleh golongan yang berpendidikan rendah bahkan juga oleh golongan profesional seperti doktor, arkitek dan sebagainya (Azhar Ibrahim Alwee 2006:1-5).

Walaupun bagaimanapun, disebalik kesan negatif yang pelbagai terdapat juga nilai yang positif di dalam filem kerana pada masa yang sama ianya boleh memandu penonton ke arah kebaikan seperti berakhlak baik dan bermoral. Pemilihan genre filem memainkan peranan yang penting bagi membentuk personaliti dan tingkah laku seseorang individu. Kajian-kajian yang berkaitan dengan kesan filem Islam terhadap masyarakat menunjukkan bahawa, ianya dapat mencorakkan perilaku yang positif terhadap penonton (Rosmawati 2013:142-144). Kesopanan yang terdapat di dalam agama Islam merupakan salah satu cara untuk menunjukkan ianya sebuah agama yang menekankan keharmonian dan kesejahteraan sejagat di samping melaksanakan perbuatan yang disuruh oleh Allah s.w.t. Dapatan yang sama juga diperolehi ketika mana satu kajian dilakukan ke atas pelajar Islam di politeknik, yang menunjukkan bahawa kecenderungan mereka ke arah perilaku positif dan sopan seperti menjaga batas pergaulan, bertutur dengan bahasa yang baik, berpakaian sempurna menepati syariat dan sebagainya berbanding perilaku negatif (Wan Norina Wan Hamat et.al 2013:17). Dapatan ini sekaligus menunjukkan elemen positif yang terdapat di dalam filem Islam mampu melahirkan personaliti yang berakhlak baik dan terpuji. Sungguhpun begitu, pada hari ini boleh dilihat kekurangan filem-filem yang berunsurkan kepada nilai dakwah dan ianya masih lagi tidak mampu menyaingi lambakan filem yang berunsurkan kepada hiburan barat yang merosakkan peribadi masyarakat (Abd Aziz Itar 2007:15). Oleh yang demikian, genre ini perlu ditingkatkan demi melahirkan masyarakat yang berakhlak, integriti dan terbilang.

KESAN FILEM TERHADAP PEGANGAN AGAMA

Kemampuan filem dalam memberi kesan terhadap personaliti individu tidak dilihat sebagai satu ancaman pada masa kini berikutan kurangnya pendedahan terhadap kebolehan media ini dalam mempengaruhi mereka. Lambakan kajian samada secara teori mahupun praktikal berkenaan dengan kesan filem telah membuktikan personaliti individu mudah dipengaruhi terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja (Judith Van Evra 1990:98-102; Wilbur Schramm dan Donald F. Roberts 1993:84; Tom Grimes et al 2008:55; Bart Peterson 2011:11). Namun, kajian yang berkaitan dengan kesan filem terhadap pegangan agama sangat kurang dilakukan. Pada asasnya, pegangan agama merupakan aspek yang terpenting di dalam kehidupan manusia namun ianya berbeza antara individu kepada individu yang lain. Oleh kerana itu, kesan filem terhadap pegangan agama boleh berlaku seperti mana kesan tersebut berlaku terhadap sikap dan psikologi setelah menonton filem tertentu. Berdasarkan kepada kajian yang telah lalu, terdapat lima pemboleh ubah yang boleh dijadikan sandaran sebagai punca sesebuah filem boleh mempengaruhi penonton sehingga memberi kesan kepada pegangan agama, ianya seperti berikut:

1. Peringkat Umur:

Anggaran peringkat umur manusia terbahagi kepada empat peringkat iaitu kanak-kanak (yang berusia sekitar 2-12 tahun), remaja (13-18 tahun), dewasa (19-50 tahun) dan tua (60 tahun dan seterusnya). Kategori kanak-kanak ialah kategori di mana mereka baru mula hendak mempelajari sesuatu sama ada melalui pemerhatian keadaan sekeliling dan pengalaman yang mereka perolehi semasa melakukan sesuatu kesalahan. Adapun remaja ialah kategori di mana mereka mula bersikap hendak mencuba sesuatu yang baru yang bersesuaian dengan perkembangan biologi mereka. Manakala kategori dewasa pula sudah sampai kepada tahap pemikiran yang matang dan berfikiran jauh begitu juga dengan kategori tua. Kajian-kajian para pengkaji menyatakan bahawa kategori kanak-kanak dan remaja adalah antara golongan yang mudah untuk dipengaruhi seiring dengan perkembangan biologi mereka. Disebabkan pengetahuan mereka yang cukup terhad dan ditambah pula dengan sikap ingin mencuba sesuatu yang baru, maka setiap perkara yang pelik dan perkara yang sering dilakukan oleh masyarakat sekeliling akan membuatkan mereka lebih cenderung ke arah kelakuan yang sama (Rosly Kayar 2007:31). Berbeza dengan golongan dewasa dan tua

yang sudah cukup matang untuk berfikir secara realistik. Pengaruh yang dimainkan oleh media sangat besar kerana bagi kategori kanak-kanak dan remaja, mereka lebih banyak terdedah kepada media-media yang memaparkan pelbagai genre. Mereka melihat di antara genre-genre tersebut tersembunyi kisah yang sama berlaku dalam kehidupan realiti. Oleh kerana itu, pengaplikasian dalam kehidupan seharian lebih tinggi sekiranya mereka terbawa-bawa apa yang dikisarkan oleh televisyen ke dalam kehidupan yang sebenar.

2. Tahap Pendidikan/ Tahap IQ Yang Rendah:

Pengetahuan yang lemah terhadap sesuatu perkara menyebabkan seseorang itu mudah diperdaya. Berdasarkan kepada konsep yang sama, filem dilihat mampu mempengaruhi individu yang berpendidikan rendah dan tahap pemikiran yang sederhana berbanding mereka yang berintelektual. Ini kerana, kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana menunjukkan bahawa anggaran golongan remaja yang mempunyai IQ yang tinggi hanya menonton televisyen dengan kekerapan yang sedikit kerana mereka lebih banyak tertumpu kepada media cetak yang berilmiah seperti buku dan sebagainya. Tambahan pula, mereka merupakan golongan yang berupaya untuk berfikir secara lebih realistik bahawa apa yang dipaparkan oleh televisyen bukan realiti dan hanya sekadar rekaan semata (Donald F. Robert dan Wilbur Schramm 1993:86-87). Berbeza dengan mereka yang berpendidikan rendah, mereka lebih banyak terdedah kepada hiburan yang ditayangkan oleh media seterusnya menyebabkan golongan seperti ini yang paling tinggi mendapat kesan negatif hasil penontonan televisyen. Pemboleh ubah ini sekaligus menunjukkan bahawa, individu dari kecerdasan yang rendah ataupun dari keluarga yang berpendidikan rendah lebih gemar memilih rancangan yang berbentuk hiburan berbanding dengan individu yang berpendidikan tinggi mengakibatkan pemikiran dan tingkah laku mereka lebih mudah didoktrinisasikan oleh media.

3. Kekerapan Masa Menonton:

Individu lebih mudah untuk dipengaruhi apabila melihat sesuatu yang sama secara berulang-ulang dan dengan kadar yang kerap, perbuatan ini seakan-akan dihipnosis oleh seseorang. Sebagaimana teori kesan media yang diasaskan oleh George Gerbner dengan teori penanamannya (*Cultivation Theory*) menyatakan bahawa semakin kerap seseorang menonton televisyen

semakin mudah untuk merasa takut disebabkan oleh keganasan yang ditayangkan oleh televisyen. Teori ini secara tidak langsung menunjukkan, penontonan televisyen dengan kadar yang kerap boleh menarik penonton untuk bersikap lebih empati terhadap apa yang ditonton. Melalui kajian yang dilakukan secara kuantitatif bertempat di Chicago yang dilakukan untuk melihat kekerapan penontonan televisyen dalam kalangan masyarakat, membuktikan bahawa golongan remaja berumur sekitar 16-20 tahun lebih banyak terdedah dengan televisyen berbanding golongan yang lain dengan kekerapan purata sebanyak 20 hingga 24 jam seminggu. Jadi, seiring dengan perkembangan biologi mereka yang cenderung ke arah sesuatu yang bersifat baru, menyebabkan golongan ini menjadi antara sasaran mudah untuk dipengaruhi oleh media (Huesman dan Leonard D. Eron. 1984:244-245; Rosly kayar 2007:27-31).

4. Daya Tarikan Program-program Media:

Kepelbagaian gaya dan kaedah di dalam sesebuah rancangan yang dicipta oleh penggiat seni telah menjadikan ianya sebagai daya tarikan kepada para penonton. Teknik-teknik yang menarik seperti bunyi, efek, penataan cahaya, warna dan sudut *shoot* direka dengan tujuan untuk menjadikan rancangan itu lebih menarik perhatian (Gerlach & Ely 1980:70). Di tambah pula, apabila terdapat sesetengah rancangan itu disiarkan secara langsung seperti perlawanan sukan menyebabkan penonton akan lebih mudah tertarik. Jalan cerita sesebuah filem juga memainkan peranan penting dalam menarik minat penonton sepertimana citarasa para remaja yang lebih cenderung ke arah filem seperti yang bergenre aksi dan ganas disebabkan tubuh badan mereka yang bertenaga dan kuat, genre romantik kerana perkembangan badan mereka sudah mula menyediakan diri untuk ke alam perkahwinan dan sebagainya. Mereka melihat filem merupakan salah satu medium yang dapat memenuhi kehendak naluri dan psikologi mereka dengan tepat. Oleh itu, sebagai salah satu cara mereka memuaskan kehendak mereka ialah dengan menonton rancangan televisyen. (Oos M.Anwas 2003:90-102).

5. Tahap Pegangan Agama

Agama turut memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian individu. Kajian mendapati bahawa, mereka yang kuat pegangan agama adalah mereka yang kurang dikaitkan dengan penggunaan sebarang media (Mariam F. Alkazemi 2013:9-10). Individu ini tidak terdedah ataupun

kurang cenderung ke arah media seperti internet, televisyen dan sebagainya kerana dikatakan ianya terlalu asing buat mereka. Rob Nayland dan Chris Near (2007:7-9) dalam kajian mereka juga mengatakan individu yang kuat pegangan agama lebih terdedah kepada bahan bercetak seperti suratkhbar harian berbanding mereka yang lemah dalam mengamalkan agama. Dalam kajian lain juga menyatakan purata individu yang pergi ke acara keagamaan di gereja ialah individu yang merupakan pembaca suratkhbar dan bukanlah mereka yang sentiasa terdedah kepada media yang lain (Armfield dan Holbert 2003:5-6). Dengan kajian di atas menunjukkan bahawa individu yang kuat pegangan agama adalah antara individu yang kurang terdedah kepada sebarang bentuk media kecuali media yang mampu memberikan informasi berguna kepada dirinya. Ini sekaligus, membuktikan golongan yang sering leka dan lalai dengan media baharu ialah golongan yang kurang dalam pengamalan agama mereka seterusnya menjadikan mereka mangsa kepada serangan media yang merosakkan.

Adapun kebanyakan sorotan literature yang lalu lebih banyak menyentuh secara teori berkenaan dengan kesan filem terhadap masyarakat dengan menyuarakan rasa kebimbangan mereka tentang pengaruh filem terhadap emosi (Haron Din 2009:3-5; Naim Ahmad 2011) dan akidah (Azhar Ibrahim Alwee 2006:2-5; Ruzain Syukur 2012:5). Namun, tiada sebarang kajian lapangan yang dilakukan dan hanya sekadar menyuarakan pandangan yang bersifat peribadi mahupun dakwaan semata. Sungguhpun begitu, hasil analisis berkaitan dengan kesan penontonan filem bergenre seram kepada pegangan agama berdasarkan kajian-kajian kesan media boleh diklasifikasikan kepada empat iaitu:

6. Memberi Gangguan Dari Sudut Emosi

Filem seram dilihat boleh mengganggu emosi penonton kerana ianya dilihat menanamkan perasaan 'takut' terutama kepada kanak-kanak dan mereka yang tidak mempunyai latar belakang didikan agama yang mantap mahupun kukuh (Naim Ahmad 2011). Kekreatifan sesetengah pengarah dalam menggambarkan watak hantu dengan gambaran yang menakutkan dan bengis membangkitkan lagi perasaan takut yang melampau dalam diri penonton. Di tambah pula dengan sikap segelintir ibu bapa yang menggunakan jalan mudah untuk melarang anak-anak dari melakukan sesuatu dengan menakut-nakutkan mereka dengan ancaman disorok hantu dan sebagainya menambahkan lagi perasaan takut tersebut (Haron Din 2009:4).

Wilbur Schramm et. al (1961:89) menyatakan bahawa terdapat tiga perkara yang boleh menakutkan kanak-kanak dan antaranya ialah apabila televisyen memaparkan sesuatu yang berkaitan dengan kehidupan yang berkaitan dengan realiti seperti kewujudan bilik gelap, hujan ribut yang disertai dengan petir pada waktu malam, bayang-bayang seseorang ataupun ada sesuatu yang melihat anda di cermin. Perkara-perkara ini semua berupaya memberi ancaman kepada emosi kanak-kanak kerana mereka merupakan pengguna media yang kerap. Hasilnya, kanak-kanak akan sentiasa diselubungi perasaan takut dalam jangka masa yang panjang sehingga menyebabkan mereka tidak boleh bersendirian dalam keadaan gelap.

7. Memupuk Pemikiran Yang Salah Terhadap Perkara Ghaib

Filem-filem seram dikatakan boleh mengelirukan akidah masyarakat apabila jalan ceritanya yang banyak menerapkan kehebatan alam ghaib seperti syaitan dan jin melebihi kekuasaan Allah s.w.t. (Ruzain Syukur 2012:6), kehebatan yang ditonjolkan adalah seperti mengetahui sesuatu perkara, mampu mencederakan dan membunuh manusia, berupaya terbang, berupaya muncul dalam sekelip mata dan lain-lain. Tambahan pula, dengan ciptaan hantu yang pelbagai seperti di dalam filem-filem seram di Malaysia telah memupuk pemikiran masyarakat bahawa kewujudan hantu-hantu tersebut di atas sebab-sebab yang tersendiri sebagai contoh toyol dikaitkan dengan kegiatan mencuri, *Pontianak* dikaitkan dengan roh wanita yang hendak membalas dendam atas kematiannya, *Penanggal* dikaitkan dengan hantu yang makan bayi yang baru dilahirkandan sebagainya. Hal ini berlarutan sehingga wujud watak seorang ustaz sebagai cara untuk mengIslamisasikan perkara tersebut dengan menghapuskan hantu-hantu itu mengikut kaedah Islam. Dengan kewujudan unsur-unsur ini di dalam filem seakan-akan menghidupkan kembali kepercayaan animisme dan khurafat yang selama ini dibendung oleh para ulama' terdahulu (Aidil Akhyar 2007:46-50; Naim Ahmad 2011). Hal ini mendorong kepada berlakunya kelemahan iman terutamanya bagi mereka yang sedia lemah dalam bidang keagamaan.

8. Menanamkan Pemikiran yang Mundur ke Belakang dan Pasif

Berdasarkan kepada petikan yang diambil daripada Peter Gay iaitu:

Maksudnya: “*satu budaya tidak sihat di Malaysia ialah apabila kita ingin mencapai negara maju tetapi muncul golongan yang mempopularkan kembali elemen tahyul dan mistik yang mana filem tahyul tidak mendatangkan faedah kerana dipenuhi dengan elemen rekaan semata berbanding moral yang hendak disampaikan.*”

Sekaligus menunjukkan bahawa elemen rekaan yang diada-adakan dalam filem tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada masyarakat dan tidak membantu mencapai ke arah negara maju. Kajian mengenai kesan penontonan televisyen mengatakan hasil daripada indoktrinasi televisyen telah mengakibatkan penonton menjadi pasif dan tiada daya kemahiran berfikir secara kreatif (Mohd Azmi 2011:55-57). Ini kerana, dengan menonton penonton lebih banyak menerima berdasarkan pembelajaran secara sehaladan seakan-akan disuap tanpa memberi ruang kepada mereka untuk berfikir berkenaan dengan sesuatu isu. Ini merupakan suatu perkara yang seharusnya diberi perhatian kerana generasi muda amat diperlukan oleh kerajaan kerana pemikiran yang kreatif. Dengan pemikiran ini dijangka dapat membantu membangunkan negara, namun apabila pemikiran generasi muda diracuni dengan elemen khurafat dan tahyul maka ianya turut dilihat merugikan negara.

9. Menghakis Sedikit Demi Sedikit Amalan dalam Agama

Penontonan filem secara tidak terkawal dilihat mampu memberi kesan ke atas pegangan agama individu. Ianya dilihat berupaya menghakis sedikit demi sedikit nilai agama di dalam diri setiap penonton. Kajian yang dilakukan terhadap remaja Amerika mendapati bahawa, selain daripada pengaruh rakan sebaya, keluarga, dan juga persekitaran, filem juga memainkan peranan dalam mengukur tahap penghayatan agama mereka. Sungguhpun filem tidak dilihat sebagai salah satu faktor yang utama dalam mempengaruhi tindakan individu namun, kesan negatifnya masih dapat dikesan melalui perubahan tingkah laku dan emosi masyarakat. Phil Davignon (2013:625-626) menunjukkan dengan penontonan filem akan menyebabkan masyarakat lalai dan leka dalam melakukan amalan yang dituntut dalam agama. Sebagai contoh, bagi remaja yang menonton filem berunsurkan kepada *R-rated movie* melebihi tiga ataupun lebih dalam sebulan akan lebih cenderung untuk memilih marijuana (sejenis dadah) dan meminum alkohol berbanding dengan remaja yang tidak menonton filem jenis ini. Apabila semakin ramai dalam kalangan remaja yang mengambil

alkohol secara tidak langsung akan memandu ke arah gejala sosial yang lain. Maka apabila timbulnya gejala sosial yang pelbagai akan memberi kesan kepada tahap pengamalan agama seperti menyebabkan mereka kurang menghadiri acara keagamaan di gereja dan sebagainya. Konsep ini boleh diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Islam terutamanya di Malaysia iaitu bilamana terdapat banyaknya budaya hedonisme, gangsterisme dan vandalisme yang dipaparkan oleh media akan menimbulkan gejala sosial yang pelbagai dan sedikit sebanyak akan menghilangkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan di dalam Islam.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada kesan media beserta lima pemboleh ubah seperti yang tertera di atas menunjukkan terdapat kesan yang negatif bagi filem seram. Dengan kewujudan penonton yang pelbagai usia, level pemikiran yang rendah, kekerapan menonton, pegangan agama yang lemah dan di tambah pula dengan rancangan yang menepati naluri penonton menghasilkan kebarangkalian yang tinggi untuk seseorang penonton itu dipengaruhi oleh media. Melalui konsep yang sama, dengan kewujudan elemen tahyul dan khurafat yang banyak di dalam filem bergenre seram, maka kebarangkalian bagi penonton yang mempunyai pemboleh ubah yang sama untuk dipengaruhi dengan perbuatan yang menjejaskan akidah adalah tinggi. Justeru, dilihat filem juga merupakan salah satu faktor yang kuat dan boleh mempengaruhi masyarakat ke arahnya.

PENUTUP

Kajian kesan filem kepada masyarakat telah banyak dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Namun, kajian yang mendalam ke atas pegangan akidah ataupun *religion belief* masih kurang dan sukar untuk ditemui. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemboleh ubah yang ditemui iaitu peringkat umur yang pelbagai, tahap IQ yang rendah, kekerapan menonton filem, daya tarikan sesebuah rancangan dan tahap pegangan agama seseorang individu akan mewujudkan implikasi yang serupa seakan-akan filem yang ditontonnya. Dengan menggunakan konsep yang sama, kajian ini mengaplikasikan pemboleh ubah yang serupa terhadap penonton filem bergenre seram. Kesan penjejasan akidah dan kekurangan pengamalan dalam agama dilihat akan berlaku rentetan terdapat banyaknya elemen khurafat dan tahyul yang diterapkan di dalam filem bergenre seram. Pelbagai respon dan dakwaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu menguatkan lagi kemungkinan penjejasan akidah akan berlaku dalam kalangan masyarakat.

Oleh yang demikian, perbuatan memilih rancangan yang disiarkan oleh media adalah penting dalam mencorak tingkah laku seseorang individu. Pemilihan rancangan yang berunsurkan kepada ganas, tidak bermoral, mistik, tahyul dan sebagainya dilihat memberi kesan yang negatif terhadap penonton seperti keruntuhan nilai-nilai murni dalam diri, menjejaskan akidah, keruntuhan sistem kekeluargaan dan sebagainya. Manakala, pemilihan rancangan yang berunsurkan kepada nilai yang positif pula mampu mencorakkan kehidupan yang lebih harmoni dan tenang. Berdasarkan kepada hujah dan dalil di atas, boleh kita katakan bahawa pada hari ini filem merupakan salah satu medium yang penting dalam mencorak personaliti masyarakat di samping faktor rakan sebaya, keluarga dan persekitaran. Oleh kerana itu, pemikiran seperti Islam itu mengongkong, *jumud* dan sebagainya perlu dihakis kerana Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk berhibur selagimana ianya tidak bertentangan dengan syarak. Sepertimana yang dinyatakan oleh Saidina Ali Abi Talib r.a. bahawa '*hiburkanlah hati dan carilah untuknya hikmah-hikmah yang menarik kerana hati juga berasa bosan seperti badan yang keletihan*'.

RUJUKAN

- Abd Aziz Itar. 2007. Perbanyakkan filem berunsur keislaman. *Utusan Malaysia online*, 12 Disember: 15
- Adil Akhyar. 2010. *Khurafat Alam Melayu*. Johor: Pustaka Azhar.
- Alexander Darius Ornella. 2014. Film, television and the body. *Journal Of Religion, Media & Digital Culture* 3(1): 1-7.
- Anon. 2006. Kerana VCD Lucah Adik Dirogol Abang. *Berita Harian*, 8 Mac: P1.
- Anon. 2007. Kawal Filem Seram, Tahyul. *Berita Harian*. 27 Mei: 15
- Anon. 2008. Kesan Buruk Filem Hantu. *Utusan Malaysia Online*. 11 Mei: 5
- Armfield, G. G., and R. L. Holbert. 2003. The relationship between religiosity and Internet use. *Journal of Media and Religion* 2(3): 129-144.
- Azhar Ibrahim Alwee. 2006. Pembomohan dan kebertahanannya: Suatu tinjauan kritis. The Reading Group, Singapore.
- Bart Peterson. 2011. *Media Violence Has Harmful Effects On Young People*. Dlm.Noel Merino (pnyt.). *Media Violence*. United States Of Amerika: Greenhaven Press.
- Bjarne M.Holmes dan Kimberly R. Johnson. 2009. Where Fantasy Meets Reality: Media Exposure, Relationships Beliefs and Standarts, And

- The Moderating Effect Of A Current Relationship. Dlm. Ellen P. Lamont (pnyt.). *Social Psychology: New Research*. New York: Nova Science Publishers, Inc.
- Dale Kunkel. 2011. *Television Violence Increase Aggression In Children*. Dlm.Noel Merino (pnyt.). *Media Violence*. United States Of Amerika: Greenhaven Press.
- Donald f. Roberts & Wilbur Schramm. 1993. Kanak-kanak belajar daripada media massa. Dlm Terj. Wan Azaham Wan Mohamad & Zainal Abidin Bakar. *Proses dan kesan komunikasi massa*. Jil 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- George Gerbner, Larry Gross. 1979. Living With The Television: The Violence Profile. Dlm. Horace Newcombe (pnyt.). *Television: The Critical View*. Edisi ke-2. New York: Oxford University Press.
- George Rodman. 2012. *Mass media in a changing world*. Edisi ke- 4. New York: McGraw Hill Companies, Inc.
- Gerlach V.S & Ely D.P. 1980. *Teaching and Media: A systematik approach*. Eaglewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Haron Din. 2009. Banyak kesan negatif penyiaran filem seram. *Harakah Daily Online*. 27 April:3-5
- Huesman L.R dan Leonard D. Eron. 1984. Cognitive processes and the persistence of aggressive behavior. *Aggressive behavior* 10 :243-251
- Judith Van Evra. 1990. *Television and child development*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers
- Mallick S.K dan McCandales B.R. 1996. A Study Of Catharsis Of Aggression. *Journal of personality and social psychology* Jil 4: 591-596.
- Mariam F. Alkazemi. 2013. Students' spiraling silence and willingness to communicate about religion in the united states: an exploration of the media's role in stigmatizing religion. *Journal of Media and Religion* 2(1): 1-27.
- Mohd Azmi Abdul Hamid. 2011. Isu kemudaran televisyen: Ke arah Penubuhan Badan Pemantau Televisyen dalam Kalangan Rakyat dalam Pemerkasaan Televisyen. Dlm. Nor Hartini Saari (Penyt.). *Mendidik Masyarakat*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Naim Ahmad. 2011. Takut Filem Seram. *Utusan Malaysia Online*.
- Oos Muhammad Anwas. 2003. Pemirsa dan pengaruh televisi dalam budaya dan tatacara hidup. *Jurnal Studi Indonesia* 14: 90-102

- Phil Davignon. 2013. The effects of r-rated movies on adolescent and young adult religiosity: Media as self-socialization. *Review of Religious Research* 55(4): 615-628.
- Rob Nayland dan Chris Near. 2007. Jesus is my friend: religiosity as a mediating factor in internet social networking use. Kertas kerja *AEJMC Midwinter Conference*. Reno, Nevada. 22-23 Febuari 2007.
- Rosly Kayar. 2007. Kelangsangan Dalam Media Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Agresif Pelajar. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan), Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosmawati Mohamad Rasit. 2013. The Role Of Self Efficacy In Forming Prosocial Personality Through The Viewing Of Islamic Based Film. *Jurnal al-Hikmah*. Jil 5: 134-147. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Ruzain Syukur Mansor. 2012. Unsur Khurafat Sebagai Hiburan. *Majalah Cahaya*: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Mac: 4-6.
- Siti Hanisah Sabri. 2014. Unsur-unsur khurafat dalam filem mistik di malaysia. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tom Grimes, James A. Anderson, Lori Bergen. 2008. *Media Violence and Aggression: Science and Ideology*. Sage Publications: United States of America.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin, Mohamed Yusoff, Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam politeknik Malaysia. *The Online Journal Of Islamic Education* 1(1):17-27.
- Wilbur Schramm; Jack Layle; Edwin B. Parker. 1961. *Television in the lives of our children*. Standford University Press: California.